

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

BST 324/3 - Pencemaran Alam Sekitar

Masa : [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Dari segi pendedahan kepada radiasi nuklear dapat difahamkan kini bahawa isotop ^{222}Rn adalah amat berbahaya kepada manusia. Huraikan faktor-faktor yang menyebabkannya serta bagaimana bahaya ini boleh dielakkan.

(20 markah)

2. Sejak Molina dan Roland telah menjelaskan peranan CFC's dalam pemecahan molekul-molekul O_3 kewujudan lubang ozon dalam lapisan ozon distratosfera kutub Selatan dan Utara telah dikenalpasti pada tahun 1985 dan 1987, masing-masing. Huraikan mengapa pengujudan lubang ozon di kutub Utara adalah dua tahun lewat sekiranya dibandingkan dengan kutub Selatan.

(20 markah)

3. Keadaan logam-logam dekit serta organisma berkenaan dalam sesuatu ekosistem akuatik akan mewujudkan kesan tahap keracunan yang berbeza. Huraikannya.

(20 markah)

4. Huraikan yang berikut:

- (a) Island Effect
- (b) Bowl Effect
- (c) PSCs
- (d) Pencemaran garis

(20 markah)

5. Huraikan perbezaan antara "artificial mussel-watch" dan "mussel-watch" dan bincangkan bagaimana ianya boleh digunakan dalam pemantauan pencemaran akuatik.

(20 markah)

6. Huraikan "Konsep Amoeba" dalam pemantauan pencemaran akuatik.

(20 markah)

-oooOOooo-